

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

ATP400 - DASAR-DASAR PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetakan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan 1 adalah WAJIB dan pilih EMPAT soalan lain.

Soalan 1 (WAJIB)

Kenalpasti empat trend perubahan dalam persekitaran ekonomi dan demografi Malaysia. Bincangkan kesan setiap trend itu kepada syarikat pengeluaran barangan konsumer (seperti Nestle atau Yeo's). Cadangkan strategi yang sesuai untuk syarikat tersebut.

[20 markah]

Soalan 2

Apakah faktor (mengikut Porter) yang menentukan paras persaingan di kalangan firma? Huraikan bagaimana setiap faktor itu memberi kesan kepada firma.

[20 markah]

Soalan 3

Kenapa analysis kekuatan dan kelemahan syarikat diperlukan? Huraikan bagaimana anda akan membuat analisis kedudukan kewangan syarikat.

[20 markah]

...2/-

Soalan 4

"Strategi pembesaran amat disukai oleh pengurus". Kenapa? Apakah kelemahan strategi ini? Beri bukti.

[20 markah]

Soalan 5

Huraikan strategi-strategi persaingan yang diutarakan oleh Porter (1980). Bincangkan kesesuaian setiap strategi itu digunakan oleh syarikat membuat pakaian di Malaysia.

[20 markah]

Soalan 6

Adakah benar struktur mengikut strategi? Kenapa? Beri contoh.

[20 markah]

Soalan 7

Bincangkan peranan ketua eksekutif dan kepimpinan dalam kejayaan pelaksanaan strategi.

[20 markah]

---ooo000ooo---